

PEMENANG....Dr  
Murnizam (enam  
kanan) bersama  
pemenang DTEPP  
2019



# USIM B johan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah UMSKAL 2019

NST 17.4.2019 4

LABUAN: Pasukan Universiti Sains Malaysia B (USIM B) muncul johan Pertandingan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah (DTEPP) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2019 yang diadakan di Dewan Utama UMSKAL, baru-baru ini.

USIM B yang diwakili Muhammad Adam Muhammad Azmi dan Fatin Izzati Muhd Zamuari membawa pulang hadiah wang tunai RMI,000, piala pusingan, plak dan sijil penyertaan.

Naib johan disandang oleh Universiti Teknologi Malaysia Sabah A (UiTM Sabah A) untuk membawa ulang hadiah wang tunai RM700 menerusi gandingan Omar Sarif Omal Lamin dan Masflie Tinggian.

Pendebat USIM A, Nurul Aisyah Aminurrahman dan Azlinie Othman menduduki tempat ketiga dengan wang tunai RM400 dan sijil.

UNIMAS B menduduki tempat keempat menerusi pendebatnya, Muhammad Haris Huda dan Siti Raihana Muhammad Dahalan untuk menerima RM250 dan sijil penyertaan.

Keempat-empat pendebat membincangkan tajuk 'Projek Kereta Nasional Kedua Perlu Digalas Oleh Industri Bukan Kerajaan'.

Sementara itu, pendebat dari USIM A, Azlinie Othman diumumkan sebagai Pendebat Terbaik Keseluruhan manakala Omar Sarif Omal Lamin dari UiTM Sabah A memenangi anugerah Pendebat Terbaik.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik.

Turut hadir Timbalan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) yang juga Penyelaras Program DTEPP 19, Dr Suzillah Sidek, pemilik Moorthy Mini Market Labuan, Datuk Ramasamy Rengasamy, wakil Majlis Perwakilan Pelajar, Nadia Mohd Arif Teo dan Pengarah Program, Aswanethra a/p Muralitharan.

Sebanyak 28 pasukan IPT dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung selain tuan rumah Labuan menyertai debat tersebut.

Antara pasukan yang menyertai pertandingan itu ialah UMS Induk, UMSKAL, USIM, UPSI, UiTM Sabah, UiTM Sarawak, Unimas, SMASH, UiTM Kuala Pilah dan UiTM Shah Alam. -OLEH JAINUDIN DJIMIN